

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Tuesday, May 21, 2019 3:45 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Lawatan Jalinan Kolaborasi Kolej Komuniti Pasir Salak Ke STHEM



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

21 MEI 2019 / 16 RAMADAN 1440H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Amierul Husniey Che Abd Rahman
Gambar oleh: STHEM

LAWATAN JALINAN KOLABORASI KOLEJ KOMUNITI PASIR SALAK KE STHEM



UUM ONLINE: Pusat Pengajian Pengurusan Pelancongan, Hospitaliti dan Acara (STHEM) telah menerima kunjungan daripada delegasi Kolej Komuniti Pasir Salak yang diketuai Pengarahnya, Salmah Ijam di Bilik Mesyuarat Utama STHEM, baru-baru ini.

Dekan STHEM, Dr. Johan Afendi Ibrahim berkata, lawatan yang disertai tujuh pegawai kolej tersebut bertujuan membina jalinan kolaborasi antara Kolej Komuniti Pasir Salak bersama Universiti Utara Malaysia (UUM) menerusi STHEM.

Menurutnya, kedua pihak berharap dapat menjalinkan kerjasama bagi menjana idea dan perkongsian dalam melahirkan graduan yang kompeten dan holistik.

Dalam kunjungan itu juga, beliau turut memberikan taklimat ringkas, seterusnya perbincangan tentang tawaran yang ditawarkan Kolej Komuniti Pasir Salak kepada UUM bagi melaksanakan aktiviti kolaborasi pada masa akan datang.

Manakala STHEM menawarkan kerjasama dalam pelbagai aktiviti kemasyarakatan, tempat latihan dan perkongsian kepakaran dalam bidang pengurusan acara.

Turut serta dalam kunjungan ini ialah alumni UUM dari Program Pengurusan Pelancongan (BTM) yang kini menjadi Timbalan Pengarah Pengurusan dan pensyarah di Kolej Komuniti Pasir Salak.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.